

Headline	Kami pilih kreativiti		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	36	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	331 cm <sup>2</sup>
Journalist	Fazurawati Che Lah	AdValue	RM 12,225
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,674



# 'Kami pilih kreativiti'

■ 39 foto  
daripada  
5,000  
penyertaan  
dipilih sebagai  
pemenang  
Pertandingan  
Fotografi  
Kenangan  
Abadi Tanah  
Suci

oleh **Fazurawati Che Lah**  
fazurawati@mediapri-  
ma.com.my  
**Kuala Lumpur**

**S**ebanyak 39 foto yang ada kaitan dengan musim haji di Tanah Suci dipilih sebagai pemenang Pertandingan Fotografi Kenangan Abadi Tanah Suci anjuran Lembaga Tabung Haji (TH) bersama Harian Metro (HM), semalam.

Pemilihan itu dinilai juri profesional daripada Unit Foto Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad dan TH melalui empat tapisan selepas menerima lebih 5,000 penyertaan sejak dilancarkan selama sebulan bermula 1 Julai.

Pertandingan itu terbahagi tiga kategori iaitu Kategori Memoir Silam Tanah Suci, Kategori Kenangan Tanah Suci dan Kategori War-

na-Warni Tanah Suci.

Dalam pertandingan itu, pemenang pertama setiap kategori membawa pulang RM5,000, kedua RM3,000, ketiga RM1,000 dan 10 pemenang sugu hati akan menerima RM200 seorang.

Pengurus Besar (Hal ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan) TH Anis Zuhani Ahmad berkata, pihaknya tidak menjangka menerima banyak penyertaan dan ini sekali gus membuktikan penduduk di negara ini berminat untuk berkongsi kenangan menunaikan ibadat Haji dan Umrah di Tanah Suci.

"Bagaimanapun, hanya gambar yang kreatif dan menggambarkan perjalanan

ibadat haji atau umrah dipilih sebagai pemenang," katanya selepas pemilihan foto di Balai Berita NSTP, di sini, semalam.

Menurut Anis, pihak pengelola peraduan memohon maaf kepada semua peserta kerana terpaksa menangguhkan keputusan yang sepatutnya dijadualkan

Ogos lalu berikutan berdepan beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan.

Senarai pemenang akan disiarkan di akhbar HM esok dan majlis

penyampaian hadiah akan diadakan pada 4 Disember di Balai Berita yang akan disempurnakan Pengarang Kumpulan HM Datuk Mustapa Omar dan Ketua Pengarah Eksekutif TH Datuk Ismee Ismail.

Pertandingan sempena sambutan Jubli Emas 50 tahun TH bukan saja memberi ruang kepada jemaah haji negara mengabadikan detik manis sepanjang beribadat di Tanah Suci, malah turut berpeluang memenangi hadiah keseluruhan berjumlah RM33,000.

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Pakar Media Cetak Pengiklanan NSTP Saifulizan Abd Ralib (019-235 5335) atau Eksekutif Editor Foto Azhar Mat Ganti (013-6650064).

Headline	Kami pilih kreativiti		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	36	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	331 cm <sup>2</sup>
Journalist	Fazurawati Che Lah	AdValue	RM 12,225
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,674



**ANIS (tiga dari kiri) dan Azhar (tiga dari kanan) memilih gambar yang dihantar peserta.**